



## NOTIS SEBUT HARGA KERJA

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBAIKAN SISTEM *CHILLED WATER PUMP, CONDENSER WATER PUMP* DAN SISTEM MENARA PENYEJUK SERTA KERJA - KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN PANGGUNG, ISTANA BUDAYA

SEBUT HARGA ISTANA BUDAYA : SH/IB/400-10/08/SH 18-2024

### 1. PELAWAAN

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang berdaftar dengan:

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);  
GRED G2; KATEGORI M PENGKHUSUSAN M01 (Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara)

### 2. TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Kontraktor adalah diwajibkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak pada **19 Julai 2024 (Jumaat) jam 3.00 Petang**.

Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Seri Nilam, Bangunan Panggung, Istana Budaya** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

**Sila bawa sijil PPK asal, sijil STB asal dan sijil SPKK asal berserta satu salinan setiap sijil; Hanya penama yang tercatat dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak ini.**

Taklimat sebut harga akan hanya diadakan sekali sahaja. **Surat Kebenaran Khas CIDB adalah Tidak Dibenarkan.**

### 3. PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Sijil Lawatan Tapak akan diberikan selepas tamat lawatan tapak.

Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan secara *softcopy* melalui e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja (e-mel persendirian tidak dibenarkan) kepada Kontraktor yang sah bermula dari tarikh **19 hingga 23 Julai 2024**. Kontraktor perlu memuat turun dan mencetak keseluruhan dokumen sebut harga tersebut serta melengkapkan segala maklumat yang berkaitan termasuk Borang Sebut Harga Kerja dan muka depan Dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan dalam bentuk *hardcopy*.

### 4. TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dan dipastikan teratur hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00** tengah hari, pada tarikh tutup Sebut Harga **30 Julai 2024 (Selasa)**.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Penandatangan : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

**SYAHBUZZAM BIN SAINAN**  
Pegawai Teknikal  
Bahagian Teknikal  
h.p. Ketua Pengarah  
ISTANA BUDAYA  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Malaysia

17/07/24